

MAJLIS APRESIASI INSTITUT TANAH DAN UKUR NEGARA (INSTUN) TAHUN 2022

Seksyen Pengurusan Sumber Manusia, Bahagian Pentadbiran dan Kewangan INSTUN telah menganjurkan Majlis Apresiasi Institut Tanah dan Ukur Negara Tahun 2022 pada 3 Mac 2023 bertempat di Hotel The Pearl, Kuala Lumpur.

Majlis yang bertemakan tona warna pastel Ungu dan Merah Jambu ini telah dimeriahkan lagi dengan kehadiran YBrs. Tuan Khairin Nazry bin Karim, Pengarah INSTUN diiringi isteri, Puan Maisarah binti Shariff Fudin, selaku Pengerusi PUSPANITA INSTUN bersama-sama Ketua-Ketua Bahagian, Pendaftar dan 89 orang pegawai dan kakitangan INSTUN.

Penganjuran majlis ini bertujuan memberi penghargaan ke atas sumbangan pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat disamping mengiktiraf pencapaian dan prestasi cemerlang yang telah ditunjukkan bagi memberi dorongan kepada pegawai dan kakitangan yang lain untuk terus berusaha memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada jabatan.

Seramai 26 orang penerima anugerah telah diraikan pada majlis ini yang merupakan penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang, Anugerah Keterampilan INSTUN, Anugerah Penceramah Cemerlang dan Anugerah Penceramah Muda Cemerlang. Pemilihan penerima anugerah telah dibuat susulan Mesyuarat Panel Pembangunan Sumber Manusia (PPSM) INSTUN Tahun 2023 dan juga Pra PPSM Mesyuarat Pemilihan Anugerah Dalam Perkhidmatan Peringkat INSTUN Tahun 2022 pada bulan Februari yang lalu. Penyampaian kesemua anugerah telah disempurnakan oleh YBrs. Tuan Khairin Nazry bin Karim, Pengarah INSTUN.

Kemeriahan majlis telah diserikan dengan persembahan dari warga INSTUN yang hadir memberi sokongan padu. Syabas diucapkan kepada semua penerima anugerah, para jemputan dan terutama sekali pasukan urus setia yang telah bertungkus lumus menjayakan majlis tersebut.







